

Nik Aziz

hargai

keikhlasan PM

BN 1 2 FEB 2001

KOTA BHARU, Ahad – Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menghargai keikhlasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sanggup berdepan dengan pemimpin Pas bagi membincangkan isu perpaduan Melayu.

“Saya bersyukur kerana Allah membuka hati kedua-

las persetujuan kedua-dua parti menetapkan 19 Februari ini sebagai tarikh pertemuan pemimpin Umno dan Pas bagi membincangkan perpaduan Melayu.

Di KUALA LUMPUR, Bernama melaporkan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, menyifatkan pertemuan parti itu dengan Umno sebagai satu ke-

Pemimpin Umno, Pas harap capai matlamat

– Muka 4

dua pihak (Umno dan Pas) untuk berjumpa kerana orang Pas pun bukan sedikit yang tidak setuju dengan (perjumpaan) ini.

“Bagaimanapun, kita pujuk dan terangkan kepada ahli, lalu mereka terima kerana Pas dah banyak kali hendak muzakarah dengan Umno, baru kali ini terbuka hati untuk berjumpa.

“Saya ucap terima kasih banyak-banyak kepada Dr Mahathir... anggaplah perjumpaan ini sebagai ibadat kita kepada Allah dan kita kena ikhlas kerana Allah tahu segalanya adalah tanggungjawab kita sebagai khilafah Allah di muka bumi,” katanya ketika ditemui di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), dekat sini hari ini.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata demikian ketika mengu-

sempatan untuk Pas menyampaikan hasrat rakyat.

Beliau berkata, Umno membuat kesilapan besar jika ia ingin menjadikan pertemuan pada 19 Februari itu sebagai agenda untuk memecahkan pakatan pembangkang.

“Pas tidak mungkin terpengaruh menerusi pertemuan membincangkan soal perpaduan Melayu itu dengan menyertai semula Barisan Nasional (BN),” katanya pada majlis sambutan Tahun Baru Cina anjuran Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM), di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Timbalan Presiden Keadilan, Dr Chandra Muzaffar dan Presiden PRM, Dr Syed Husin Ali.